



**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF
SEMPENA
SAMBUTAN FIESTA RAYA
BERTEMPAT DI WATERFRONT
PANTAI BERSIH, BUTTERWORTH
PADA 3 OGOS 2016 (RABU)
8.00 MALAM**

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan,
Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir

Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti
(Tenaga, Air, Telekom) Pengangkutan (Udara, Laut dan
Keretapi)

Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat
Penyayang & Alam Sekitar

Yang Dihormati Dr.Neil Khor
Chief Operating Officer
Think City Sdn Bhd

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-rakan Media

Seterusnya Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati
sekalian,

.....
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.

Bersyukur kita kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izin dan
limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama bertemu pada hari
ini sempena Sambutan Fiesta Raya yang julung kali diadakan
di *Waterfront* Pantai Bersih. Dengan itu saya ingin
mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri yang mana hari ini
merupakan 30 Syawal 1437 Hijrah iaitu hari terakhir bagi bulan
sambutan Aidilfitri.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Untuk makluman semua, penganjuran sambutan Fiesta Raya
adalah selaras dengan pengisian program di bawah Pelan
Butterworth Baharu yang mana disokong oleh Kerajaan Negeri
Pulau Pinang dengan kerjasama di antara MPSP dan Think
City. Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Perbandaran
Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi

penghargaan dan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang yang sudi hadir ke Sambutan Fiesta Raya pada malam ini. Saya amat berbesar hati kerana dapat meraikan Sambutan Fiesta Raya bersama-sama dengan hadirin sekalian. Dengan ini, saya amat mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang selama ini memberi sokongan penuh dan kerjasama padu terhadap MPSP dalam kawasan tadbir urus Seberang Perai. Sesungguhnya sambutan seumpama ini adalah amat bermakna kerana mengumpulkan semua pihak yang berganding bahu dalam memberikan perkhidmatan dan sokongan terbaik kepada seluruh komuniti Seberang Perai khususnya.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

MPSP dengan kerjasama Think City telah mewujudkan hubungan kerjasama dua hala sebagai pemangkin program *urban regeneration* di Butterworth. *Baseline Study* dan Pelan Tindakan telah dilaksanakan untuk merealisasikan Pelan Butterworth Baru sebagai garis panduan untuk pembangunan semula bandar. Pelan ini diharapkan akan membawa impak perubahan dan peningkatan

di bandar yang dinamik Butterworth. MPSP dan Think City yang kini aktif dalam usaha untuk menaik taraf bandar Butterworth melalui projek-projek infrastruktur, berkongsi satu matlamat yang sama iaitu untuk mengekalkan kesinambungan budaya, meningkatkan ekonomi setempat dan melestarikan pembangunan yang mampan di bandar Butterworth.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Dikesempatan ini, sebagai Yang Dipertua MPSP, ingin memaklumkan berkaitan Dasar Pengasingan Sisa di Punca di Negeri Pulau Pinang telah dilaksanakan pada 1 Jun 2016. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung. Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang diwajibkan untuk mengasingkan sampah sebelum dilupuskan kepada dua kategori iaitu, barang kitar semula dan sisa domestik. Kaedah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah dilaksanakan oleh masyarakat. Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kitar dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Saya menyeru kepada seluruh komuniti untuk memberikan kerjasama yang erat dalam pelaksanaan Dasar

pengasingan Sisa di Punca yang telah bermula 1 Jun 2016. Sila kurangkan sisa kitar pada malam ini dan jika ada sila asingkan dan masukkan ke dalam tong yang disediakan.

YAB, YB, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sekian dulu ucapan saya, setinggi penghargaan diucapkan kepada pihak Lokal Houz dalam bertungkus lumus mengelola Sambutan Fiesta Raya di Butterworth. Untuk makluman hadirin sekalian juga, pelbagai lagi pengisian program yang telah dirancang di Butterworth di bawah pengisian Pelan Butterworth Baharu iaitu Bagan Cycling Jamboree yang akan diadakan pada 25 September 2016, Roots Fest pada 27 dan 28 Ogos 2016 dan Butterworth Discovery Walk Version 2 pada Oktober 2016. Pasti nya seluruh komuniti Seberang Perai, Negeri Pulau Pinang dan Koridor Utara amnya tertunggu-tunggu untuk menyaksikan penganjuran BFF pada tahun ini.

Pelbagai pengisian program yang pasti nya menjanjikan kelainan untuk dipersembahkan kepada semua pihak. Dikesempatan ini juga, saya ingin menjemput para hadirin untuk turut serta bagi menjayakan Butterworth Fringe Festival 2016 yang akan diadakan pada 13 dan 14 Ogos 2016 (Sabtu dan Ahad) bertempat di Jalan Jeti Lama. BFF dibawakan secara percuma kepada semua.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi

